A

PP lwn. ROSMAN SAPREY & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDIN BAKI HMR
YAACOB MD SAM HMR
AB KARIM AB JALIL HMR

B

[RAYUAN JENAYAH NO: A-06B-23-06-2017
& W-09-195-06-2017]
23 APRIL 2018

C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 15(1)(a) – Kesalahan berkaitan dadah – Mentadbir diri dengan memasukkan dadah dalam badan – Tatacara pengambilan contoh air kencing – Tertuduh-tertuduh masing-masing diberi satu botol oleh pihak polis untuk pengambilan contoh air kencing – Ujian saringan menunjukkan tertuduh-tertuduh positif dadah – Pihak polis menuruti tatacara pengambilan air kencing dalam Perintah Tetap Ketua Polis*

D

Negara F103 ('PTKPN F103') dan Garis Panduan Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 6/2002 ('GPKKM 6/2002') – Sama ada PTKPN F103 dan GPKKM 6/2002 mempunyai kuat kuasa undang-undang dan wajib dipatuhi – Sama ada pertuduhan terhadap tertuduh-tertuduh berjaya dibuktikan – Sama ada mahkamah terikat dengan keputusan dalam Noor Shariful Rizal Noor Zawawi v. PP – Akta

E

Dadah Berbahaya, ss. 31A(1A), 38B, 44 & 47 – Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, s. 28

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan – Rayuan oleh pihak pendakwaan – Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan – Tertuduh-tertuduh dituduh mentadbir diri dengan memasukkan dadah dalam badan – Tertuduh-tertuduh didapati bersalah*

F

dan disabitkan atas kesalahan di Mahkamah Majistret – Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan tertuduh-tertuduh atas alasan kegagalan pihak polis mematuhi tatacara pengambilan contoh air kencing bawah Perintah Tetap Ketua Polis Negara F103 ('PTKPN F103') dan Garis Panduan Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 6/2002 ('GPKKM 6/2002') – Sama ada PTKPN dan GPKKM

G

mempunyai kuat kuasa undang-undang dan wajib dipatuhi – Sama ada kegagalan mematuhi tatacara menjejaskan kes pendakwaan

Dua rayuan jenayah didengar bersekali iaitu Rayuan Jenayah No. A-06B-23-06-2017 ('rayuan pertama') dan Rayuan Jenayah No. W-09-195-06-2017 ('rayuan kedua'). Responden-responden ditangkap oleh pihak polis, dalam

H

kejadian dan di dua tempat berbeza, dan diarahkan menjalani ujian air kencing. Dalam kedua-dua kes, responden-responden hanya diberi satu botol untuk contoh air kencing. Air kencing responden dalam rayuan pertama didapati mengandungi methamphetamine manakala air kencing responden dalam rayuan kedua didapati mengandungi amphetamine. Responden-

I

responden, masing-masing, dihadapkan ke Mahkamah Majistret berasingan atas pertuduhan memasukkan dadah ke dalam badan sendiri, satu kesalahan bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Pada penutup perbicaraan, responden-responden disabitkan atas pertuduhan tersebut. Responden dalam rayuan pertama dijatuhkan hukuman penjara sepuluh

bulan manakala responden dalam rayuan kedua didenda RM3,500, jika gagal enam bulan penjara. Kedua-dua responden juga diletakkan bawah pengawasan pihak polis selama dua tahun, bawah s. 38B ADB. Responden-responden masing-masing merayu di Mahkamah Tinggi berasingan dan kedua-dua Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan mereka atas alasan (i) pihak polis gagal mematuhi Perintah Tetap Ketua Polis Negara F103 ('PTKPN F103') kerana gagal menggunakan dua botol berasingan untuk mengambil air kencing responden-responden; (ii) kes pendakwaan dalam kedua-dua rayuan terjejas kerana pertuduhan terhadap responden-responden gagal dibuktikan; dan (iii) mahkamah terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Noor Shariful Rizal Noor Zawawi v. PP*, yang memutuskan PTKPN F103 dan Garis Panduan Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 6/2002 ('GPKKM 6/2002') mempunyai kuat kuasa undang-undang. Responden-responden dilepaskan dan dibebaskan. Maka timbul rayuan-rayuan ini oleh perayu ('pihak pendakwaan'). Isu sama yang timbul dalam kedua-dua rayuan ialah sama ada PTKPN F103 dan GPKKM 6/2002 mempunyai status kuat kuasa undang-undang dan sama ada kegagalan mematuhinya mempunyai kesan menjejaskan. Pihak pendakwaan menghujahkan (i) PTKPN F103 dan GPKKM 6/2002 bersifat mentadbir dan tiada kuat kuasa undang-undang; (ii) seksyen 31A ADB hanya menyatakan orang yang ditangkap boleh diminta memberi contoh air kencing untuk tujuan pemeriksaan; dan (iii) tiada peruntukan undang-undang yang menetapkan pengambilan lebih satu contoh air kencing. Responden-responden menegaskan PTKPN F103 dan GPKKM 6/2002 (i) dikeluarkan untuk melengkapi s. 31A ADB yang tidak memperuntukkan cara dan kaedah pengambilan air kencing untuk tujuan pemeriksaan; dan (ii) mempunyai kuat kuasa undang-undang dan kepatuhan pada tatacara yang ditetapkan adalah mandatori.

Diputuskan (membenarkan rayuan)
Oleh Yaacob Md Sam HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Seksyen 31A(1A) ADB memberi kuasa kepada pegawai polis, atau pegawai kastam, untuk mendapatkan contoh air kencing daripada orang yang ditangkap untuk tujuan pemeriksaan. Walau bagaimanapun, tiada tatacara diperuntukkan tentang bagaimana contoh air kencing diambil dan diuruskan. Walaupun s. 47 ADB dan s. 28 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 ('APDRP') memberi kuasa kepada Menteri membuat undang-undang subsidiari dan kaedah-kaedah melaksanakan peruntukan ADB dan APDRP, masing-masing, namun Menteri tidak membuat apa-apa kaedah, bawah ADB dan APDRP, berkaitan tatacara pengambilan air kencing dan cara pengurusannya. Walaupun s. 44 ADB memberi kuasa kepada Menteri mewakilkan kuasa dan fungsinya kepada mana-mana pegawai yang sesuai, dalam mentadbirkan ADB, tiada pewakilan kuasa bawah s. 44 ADB yang dilakukan. (perenggan 50 & 52-54)

(2) Ketiadaan peraturan atau kaedah menyebabkan pihak polis mengambil usaha mengeluarkan PTKPN F103 untuk dijadikan panduan dalaman dalam melaksanakan tugas mereka, khususnya Jabatan Narkotik, Polis Di-Raja Malaysia ('PDRM'). PTKPN F103 menetapkan contoh air kencing diambil menggunakan dua botol. Satu botol air kencing untuk tujuan ujian awal di peringkat polis dan, jika perlu, satu lagi botol untuk dihantar ke hospital untuk tujuan analisis. Kementerian Kesihatan Malaysia pula mengeluarkan GPKKM 6/2002 sebagai panduan pegawai-pegawainya dalam menjalankan tugas mereka berkaitan ujian atau analisis air kencing. GPKKM 6/2002 menyatakan hanya satu contoh air kencing yang diperlukan untuk analisis tetapi, jika ujian awal dan ujian analisis dilakukan di dua tempat berasingan, dua botol diperlukan. Oleh itu, PTKPN F103 dan GPKKM 6/2002 tidak menetapkan bahawa pengambilan dua botol air kencing adalah mandatori. (perenggan 48, 49, 55 & 56)

(3) Bawah s. 97 Akta Polis 1967 ('AP'), Ketua Polis Negara ('KPN') hanya mempunyai kuasa mengeluarkan perintah-perintah pentadbiran yang dipanggil 'Perintah Tetap'. Perintah Tetap KPN hanya perintah-perintah pentadbiran untuk tujuan 'kawalan dan arahan dan maklumat am Pasukan dan semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis' bawah AP. PTKPN F103, jika dibuat bawah kuasa yang diberi oleh s. 97 AP, hanya satu perintah pentadbiran berbanding peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat oleh Menteri bawah ADB. PTKPN F103 hanyalah untuk kegunaan PDRM dan diklasifikasi sebagai dokumen sulit atau rahsia. Instrumen undang-undang tidak boleh wujud dan berkuat kuasa secara sulit atau diklasifikasi sebagai rahsia. Oleh itu, PTKPN F103 dan GPKKM 6/2002 bukan dokumen yang mempunyai kuat kuasa undang-undang, yang memerlukan pematuhan mandatori pihak polis atau pegawai perubatan, dan akan menjejaskan jika gagal dipatuhi. (perenggan 58 & 61)

(4) Mahkamah tidak mengikut keputusan kes *Noor Shariful Rizal Noor Zawawi v. PP*, yang memutuskan PTKPN F103 dan GPKKM 6/2002 mempunyai kuat kuasa undang-undang, kerana (i) PTKPN F103 dan GPKKM 6/2002 tidak menyatakan punca kuasa kedua-duanya dibuat; (ii) ADB dan APDRP adalah undang-undang spesifik; (iii) tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan penurunan kuasa oleh Menteri kepada KPN atau Ketua Pengarah Kesihatan KKM ('KPKKKM') agar mereka boleh mengeluarkan apa-apa instrumen yang mempunyai kuat kuasa undang-undang; (iv) kuasa membuat peraturan-peraturan bawah ADB dan APDRP hanya diberi kepada Menteri secara eksklusif; (v) peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat oleh Menteri perlu diwartakan dan dibentangkan dalam Dewan Rakyat. PTKPN

F103 dan GPKKM 6/2002 tidak memiliki elemen-elemen sedemikian untuk mendapat pengiktirafan kuat kuasa undang-undang; dan (vi) kuasa KPN dan KPKKKM tidak boleh mengatasi dan melampaui kuasa-kuasa Menteri. (perenggan 74)

(5) Kedua-dua Mahkamah Tinggi tersalah arah dalam kedua-dua rayuan. Kegagalan mengambil dua botol contoh air kencing tidak menjejaskan kes pendakwaan. Perintah kedua-dua Mahkamah Tinggi diketepikan dan hukuman Mahkamah-mahkamah Majistret, dalam kedua-dua rayuan, masing-masing dikekalkan. (perenggan 66, 71 & 76)

English *Headnotes*

Two criminal appeals were heard together, namely Criminal Appeal No. A-06B-23-06-2017 ('the first appeal') and Criminal Appeal No. W-09-195-06/2017 ('the second appeal'). The respondents were arrested by the police, in two different events and places, and were ordered to undergo a urine test. In both cases, the respondents were each given a bottle for the collection of their urine specimen. The urine of the respondent in the first appeal was found to contain methamphetamine while the urine of the respondent in the second appeal was found to contain amphetamine. The respondents were each brought to separate Magistrate's Courts for the charge of administering to himself dangerous drugs, an offence under s. 15(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). At the conclusion of the trials, the respondents were convicted for the said charge. The respondent in the first appeal was sentenced to ten months' imprisonment while the respondent in the second appeal was fined RM3,500, in default six months' imprisonment. Both respondents were also required to undergo police supervision for a period of two years, under s. 38B of the DDA. The respondents filed separate appeals to the High Courts and both High Courts allowed the respondents' appeals on the grounds that (i) the police failed to comply with the Inspector General's Standing Orders F103 ('IGSO F103') for failing to use two separate bottles for the respondents' urine; (ii) the prosecution's case in both appeals were jeopardised as the charges against the respondents could not be established; and (iii) the court was bound to the decision of the Court of Appeal in the case of *Noor Shariful Rizal Noor Zawawi v. PP* which held that the IGSO F103 and the Kementerian Kesihatan Malaysia Guidelines No 6/2002 ('KKMG 6/2002') had force of law. The respondents were acquitted and discharged. Hence, the present appeals by the appellant ('the prosecution'). The common issue that arose in both appeals was whether the IGSO F103 and KKMG 6/2002 had a force of law status and if failure to comply with it caused fatal effects. The prosecution submitted that (i) the IGSO F103 and the KKMG 6/2002 were administrative in nature and had no force of law; (ii) s. 31A of the DDA only states that an arrested person may be required to provide the specimen of his urine for purposes of examination; and (iii) there is no provision of law that provides for the

collecting of more than one specimen of urine. The respondents argued that the IGSO F103 and the KKMG 6/2002 (i) were issued to complete s. 31A of the DDA which does not provide for the mode and method of collecting urine for the purposes of examination; and (ii) had force of law and the compliance with the procedure stipulated was mandatory.

Held (allowing appeal)
Per Yaacob Md Sam JCA delivering the judgment of the court:

(1) Section 31(1) of the DDA empowers the police, or an officer of customs, the authority to require an arrested person to provide the specimen of his urine for examination purposes. However, no procedure is provided on how the urine specimen is to be collected and dealt with. Even though s. 47 of the DDA and s. 28 of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 ('DDTRA') give the Minister the powers to enact subsidiary laws and rules on how to execute the provisions of the DDA and the DDTRA, respectively, the Minister had not enacted any rules, under the DDA and the DDTRA, relating to the procedure for the collection of urine and methods on how to deal with it. Even though s. 44 of the DDA gives the Minister the powers to delegate his powers and functions to any fit authority officer in administering the DDA, no delegation of powers, under s. 44 of the DDA, was made.

(2) The lack of regulations and rules caused the police to take the initiative of issuing the IGSO F103 as an internal guidance in carrying out their duties, namely the Narcotics Department of the Royal Police Malaysia ('RMP'). The IGSO F103 provides for the collection of urine specimen using two bottles. One bottle of urine is for the purpose of the preliminary test at police stage and, if necessary, another bottle is to be sent to the hospital for analysis. The Ministry of Health Malaysia ('MOHM'), on the other hand, issued the KKMG 6/2002 as a guideline for its officers in carrying out their duties relating to urine tests and analysis. The KKMG 6/2002 provides that only one urine specimen is required for analysis but if the preliminary test and analysis test are conducted at two different places, two bottles are required. Therefore, the IGSO F103 and the KKMG 6/2002 do not provide that the collecting of two bottles of urine is mandatory.

(3) Under s. 97 of the Police Act 1967 ('the PA'), the Inspector General ('IG') has the power to only issue administrative orders which are known as 'Standing Orders'. The IGSO contains administrative orders for the purposes of 'for the general control, direction and information of the Force and of all bodies established or raised for police duties' under the PA. The IGSO F103, if established under the powers given to it under s. 97 of the PA, is only an administrative order compared to regulations or rules enacted by the Minister under the DDA. The

IGSO F103 is only for the RMP's use and is classified and confidential. An instrument of the law could not exist and be in force when it is classified and confidential. Therefore, the IGSO F103 and the KKMG 6/2002 are not documents which have force in law which require mandatory compliance by the police or medical officers, and would be fatal when not complied with.

(4) The court did not follow the decision in the case of *Noor Shariful Rizal Noor Zawawi v. PP*, which held that the IGSO F103 and the KKMG 6/2002 had force in law as (i) the IGSO F103 and the KKMG 6/2002 do not state the source of authority from which they are made; (ii) the DDA and DDTRA are specific laws; (iii) there was no evidence to show delegation of powers by the Minister to the IG or the Director General of Health of the MOHM ('DGHMOHM') that could enable them to issue instruments that would have force in law; (iv) the powers to enact regulations under the DDA and DDTRA are exclusively given to the Minister; (v) the regulations and rules enacted by the Minister must be tabled at the House of Representatives. The IGSO F103 and the KKMG 6/2002 do not possess such elements to receive an acknowledgment of force in law; and (vi) the powers of the IG and the DGHMOHM could not exceed or usurp that of the Minister's.

(5) Both High Courts suffered from misdirection in both appeals. The failure to collect two bottles of urine specimen was not fatal to the prosecution. The orders of the High Courts were set aside and the sentences by the Magistrate's Courts, in both appeals, were affirmed.

Kes-kes yang dirujuk:

Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. PP [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101 FC ***(dirujuk)***

Ling Towi Sing & Ors v. Sino-America Tours Corporation Pte Ltd [2017] 1 LNS 1663 CA ***(dirujuk)***

Noor Shariful Rizal Noor Zawawi v. PP [2017] 4 CLJ 434 CA ***(dirujuk)***

PP v. Mohamad Rasid Jusoh [2009] 9 CLJ 557 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, s. 399

Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, s. 28(1)(e)

Dangerous Drugs Act 1952, ss. 15(1)(a), 31A(1A), 37(k), 38B, 44, 47(3), First Schedule

Evidence Act 1950, s. 35

Federal Constitution, arts. 5(1), 8(1)

Police Act 1967, s. 97

(Rayuan Jenayah No: A-06B-23-06-2017)

Bagi pihak pendakwaan - Awang Armadajaya Awang Mahmud, Nurul Huda Noraini Mohamed Noor, Mangaiarkarasi Krishnan & Hamdan Hamzah; TPR

Bagi pihak responden - Charan Singh Kartar Singh & Jagdave Singh Kuldeep Singh; T/n Nurul & Charan

A *(Rayuan Jenayah No: W-09-195-06-2017)*
Bagi pihak pendakwaan - Awang Armadajaya Awang Mahmud, Nurul Huda Noraini Mohamed Noor, Mangaiarkarasi Krishnan & Hamdan Hamzah; TPR
Bagi pihak responden - Richard Bong; T/n Bong & Co

[Nota Pengarang: Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Rosman Saprey v. PP [2017] 1 LNS
B *1141 (ditolak).]*

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

C **Yaacob Md Sam HMR:**

Pendahuluan

[1] Kedua-dua rayuan jenayah ini telah didengar secara bersama oleh kami pada 28 Februari 2018 atas permohonan oleh pihak-pihak dalam kedua-dua
D rayuan. Di akhir penghujahan, kami telah menangguhkan keputusan. Kami kini memberikan keputusan.

Rayuan Jenayah No. A-06B-23-06-2017

[2] Rayuan ini dibuat oleh Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati terhadap keputusan YA Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya
E di Ipoh, Perak yang telah membenarkan rayuan responden terhadap sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Majistret Ipoh, Perak dan memerintahkan responden dilepaskan dan dibebaskan.

[3] Mahkamah Majistret Ipoh, Perak telah mensabitkan responden bagi kesalahan di bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("ADB 1952").
F Responden dijatuhkan hukuman sepuluh bulan penjara mulai tarikh jatuh hukum. Responden juga diperintahkan untuk diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun menurut s. 38B ADB 1952.

Rayuan Jenayah No. W-09-195-06-2017

G **[4]** Rayuan ini dibuat oleh Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati atas keputusan YA Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur yang telah membenarkan rayuan responden terhadap sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Majistret Kuala Lumpur dan memerintahkan responden dilepaskan dan dibebaskan.

H **[5]** Mahkamah Majistret Kuala Lumpur telah mensabitkan responden bagi kesalahan di bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ("ADB 1952"). Responden dijatuhkan hukuman denda RM3,500 jika gagal bayar enam bulan penjara. Responden juga diperintahkan untuk diletakkan di bawah pengawasan polis selama dua tahun menurut s. 38B ADB 1952.

I

Latar Belakang Kes Pendakwaan

Rayuan Jenayah No. A-06B-23-06-2017

[6] Pada 28 Disember 2013, jam lebih kurang 9 malam, Inspektor Mohd Zain (SP3) bersama sepasukan anggota polis telah menangkap responden Rosman bin Saprey kerana disyaki terlibat dalam kes rompakan. Pada 29 Disember 2013, jam lebih kurang 1 pagi, di Pejabat Narkotik IPD Batu Gajah, SP3 telah mengarahkan responden menjalani ujian air kencing. SP3 telah memberikan tiga atau empat botol kosong untuk mengisi urin kepada responden untuk membuat pilihan. Responden telah memilih salah satu botol tersebut.

[7] Kpl Zulkifli bin Mohd Zani (SP2) telah mengiringi responden ke tandas IPD Batu Gajah untuk mendapatkan air kencing responden. Responden telah menggunakan botol yang dipilihnya untuk mengisikan air kencingnya. Responden kemudian telah diiringi semula oleh SP2 masuk ke pejabat narkotik dan meletakkan botol urin tersebut di atas meja. SP3 telah meminta responden membuka tutup botol urin tersebut. SP3 membuat ujian ke atas air kencing di dalam botol tersebut dengan menggunakan kertas pencelup. Hasil ujian mendapati air kencing responden positif dadah methamphetamin.

[8] SP3 menutup semula botol urin serta meletakkan materai (seal) keselamatan. SP3 juga meletakkan label nama responden pada botol tersebut. Responden menurunkan tandatangan pada label di botol urin dan ke atas borang saringan awal.

[9] Pada 29 Disember 2013, jam lebih kurang 1.30 pagi, botol urin berseal dan berlabel nama responden diserahkan oleh SP3 kepada pegawai penyiasat Inspektor Mohd Hafizi bin Hanapi (SP4). Borang serah terima (P6) telah ditandatangani oleh SP3 dan SP4. SP4 kemudian menyimpan botol urin tersebut di dalam kabinetnya yang berkunci.

[10] Pada 30 Disember 2013, jam lebih kurang 10 pagi, SP4 telah mengarahkan jurugambar L/Kpl. Anuar bin Abd Rahim (SP1) untuk mengambil gambar botol urin tersebut (P1(a-c)).

[11] Pada 30 Disember 2013, jam lebih kurang 2.34 petang, SP4 membuat serahan botol urin kepada ahli kimia Puan Halimah binti Mohd Razi untuk analisis dijalankan ke atas air kencing dalam botol urin tersebut. Setelah analisis dijalankan, air kencing tersebut disahkan mengandungi methamphetamine (P8 lab report 13-FR-A-05403). Botol urin berserta laporan ujian makmal diserahkan kepada SP4 pada 21 Mac 2014.

[12] Responden kemudiannya telah dituduh dengan pertuduhan seperti berikut:

A

Bahawa kamu pada 29.12.2013, jam lebih kurang 1.00 pagi di Pejabat Narkotik IPD Batu Gajah, di dalam Daerah Kinta, di dalam Negeri Perak, telah didapati mentadbir diri dengan memasukkan dadah dalam badan jenis 'Methamphetamine' oleh yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seskyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

B

Hukuman: Penjara tidak Iebih daripada dua tahun atau boleh didenda tidak Iebih daripada lima ribu ringgit.

[13] Pada 5 Jun 2014, SP4 telah membuat serahan laporan ujian makmal (P8) ke atas responden.

C

[14] Pada 29 April 2016, setelah perbicaraan penuh, Tuan Majistret Mahkamah Majistret Batu Gajah telah mensabitkan responden dengan pertuduhan dan menjatuhkan hukuman sepuluh bulan penjara mulai tarikh sabitan dan pengawasan polis selama dua tahun.

Rayuan Jenayah No. W-09-195-06-2017

D

[15] Pada 30 September 2015, responden Muhammad Syazwan bin Sulaiman telah ditahan oleh Sarjan Mustaffa bin Dollah (SP2) di Lebuhraya Wawasan Putrajaya. Selepas diperiksa, SP2 menjumpai tiga biji pil dalam milikan responden. Responden telah ditangkap dan dibawa ke IPD Putrajaya dan diserahkan kepada Bahagian Narkotik, IPD Putrajaya. SP2 telah membuat laporan tangkapan (P1). Responden telah diarahkan untuk memberikan air kencing bagi tujuan saringan air kencing.

E

[16] Untuk tujuan pengambilan air kencing itu, responden telah dibawa ke tandas awam di IPD tersebut oleh SP2 dengan diiringi seorang anggota (D/Kpl 133047). Satu botol urin kosong telah diberikan kepada responden untuk mengisi urin responden. SP2 dan D/Kpl 133047 turut berada di dalam tandas bersama responden untuk memerhatikan responden kencing ke dalam botol urin yang diberikan. Botol urin yang mengandungi air kencing responden kemudiannya telah dibawa ke pejabat bahagian narkotik dan diletakkan oleh SP2 di atas meja. Dengan disaksikan oleh responden, SP2 membuat ujian secara celup 'test strip' ke dalam botol tersebut. SP2 mendapati air kencing responden mengandungi amphetamine (P6). SP2 telah meletakkan materai keselamatan PDRM 696 pada botol tersebut dan menyerahkan botol urin serta responden kepada pegawai penyiasat, SI Sairy bin Kariany (SP4). Borang akuan serah menyerah (P3) dimasuki oleh SP2 dan SP4.

F

G

H

[17] SP4 kemudiannya telah menyerahkan botol urin dan kandungannya ke Jabatan Patalogi Hospital Kuala Lumpur untuk dibuat analisis.

[18] Pegawai sains/ahli kimia hayat Encik Kamarulzaman bin Hussin (SP6) telah menjalankan analisis ke atas air kencing di dalam botol urin yang diserahkan dan mengesahkan air kencing tersebut mengandungi methamphetamine. SP6 juga mengemukakan laporan ujian makmal (P8).

I

[19] Responden kemudiannya dituduh dengan pertuduhan seperti berikut: A

> Bahawa kamu pada 30.9.2015, jam lebih kurang 3.30 pagi di tandas awam hadapan Pejabat Siasatan Jenayah Narkotik IPD Putrajaya Presint 7, Putrajaya dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya telah menggunakan dadah berbahaya iaitu jenis Methamphetamine ke dalam badan kamu sendiri, yang demikian itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 15 Akta yang sama. B
>
> Hukuman: Jika didapati bersalah, kamu boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada RM5,000 atau penjara tidak lebih daripada 2 tahun dan menjalani pengawasan mengikut peruntukan seksyen 38B Akta Dadah Berbahaya 1952. C

[20] Pada 8 September 2016, setelah perbicaraan penuh, Puan Majistret Mahkamah Majistret Putrajaya telah mensabitkan responden atas pertuduhan dan menjatuhkan hukuman denda RM3,500 jika gagal bayar enam bulan penjara, dan dua tahun pengawasan polis di bawah s. 38B ADB 1952. D

Rayuan Responden Di Mahkamah Tinggi

Rayuan Jenayah No. A-06B-23-06-2017

[21] Responden Rosman bin Saprey yang tidak berpuas hati terhadap sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Majistret telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi. E

[22] Beberapa isu telah ditimbulkan dan dihujahkan dalam alasan rayuan oleh responden tetapi isu-isu tersebut ditolak oleh YA Pesuruhjaya Kehakiman. Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan responden apabila memutuskan kegagalan pihak pendakwaan mematuhi Perintah Tetap Ketua Polis Negara F103 (PTKPN F103/IGSO F103) apabila tidak menggunakan dua botol urin berasingan bagi pengambilan air kencing responden adalah fatal mengakibatkan pertuduhan terhadap responden gagal dibuktikan. F

[23] Untuk memahami sepenuhnya keputusan tersebut, kami menurunkan perenggan [36] hingga [47] (ms 26-32 rekod rayuan jilid 1) di mana YA Pesuruhjaya Kehakiman memutuskan seperti berikut: G

> 34. Now with regards to IGSO F103, its main purpose is explained in the document itself as follows: H
>
> > Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1993 (Pindaan 1998) digubal bertujuan untuk memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah. Selain merupakan proses rawatan lanjut yang menitik beratkan pengawasan ke atas penagih bertujuan memastikan mereka tidak mengulangi tabiat penagihan mereka. PTPKN ini adalah bertujuan untuk memastikan segala tindakan ke atas orang-orang kenaan dilakukan mengikut peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta ini. I

35. The IGSO F103 relates to the obligation of suspected drug defendants to submit himself and to undergo the test procedures. The main purpose of IGSO F103 is therefore to ensure that any action regarding drug dependents comply with the provisions of the Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act 1983. This would, of course include collection of urine samples as part of the enforcement action under the said Act.

36. Paragraph 8 of IGSO F103 deals with the procedure for the collection of urine. It states as follows:

> TATACARA MENGAMBIL CONTOH AIR KENCING
>
> Tatacara pengambilan contoh air kencing dari penagih-penagih yang disyaki adalah seperti berikut:
>
> Contoh Air Kencing Diambil Segera Selepas Tangkapan Contoh air kencing dari penagih-penagih yang disyaki hendaklah diambil seberapa segera sebaik sahaja selepas tangkapan bagi menentukan keberkesanan ujian.
>
> Pemilihan 2 Buah Botol Oleh Penagih Yang Disyaki
>
> Setiap penagih dadah yang disyaki hendaklah diberi sebanyak dua buah botol plastik kosong yang dikhaskan serta baru dan belum pernah digunakan lengkap dengan penutupnya. Penagih berkenaan hendaklah diberi peluang memilih sendiri botol-botol plastik tersebut daripada kotak simpanannya serta ia berpuas hati dengan botol-botol tersebut berkeadaan bersih dan boleh digunakan. Sebuah botol air kencing adalah untuk tujuan ujian awal di peringkat polis jika perlu dan sebuah lagi untuk dihantar ke hospital bagi penganalisaan ...

37. What is clear is that the guidelines and IGSO F103 are complementary to each another. To ensure standardisation and procedural fairness both the guidelines and IGSO F103 requires two bottles to be used. This is also to ensure an independent analysis is carried out on the urine in the second bottle by the relevant authorities. In this present case the screening and confirmation were done in two different places. This fact was not disputed by the parties. The evidence shows that only one bottle was used in this case. This fact was also not in dispute.

38. The issue now revolves around the question as to whether the guidelines and the IGSO F103 has the force of law. Consequent to this is whether it is mandatory for the police in this case to use two bottle instead of one in the testing of the appellant's urine.

39. Reverting to the case of *Noor Shariful Rizal bin Noor Zawawi v. Public Prosecutor* [2017] 3 MLJ 460, the Court of Appeal held that Paragraph 5 of the guidelines made reference to the DDA 1952. The structure and formulation of the guidelines were framed in correlation with the DDA 1952 and also the Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 and its Rules and Regulation. Since the

guidelines were formulated in line with both the aforesaid Acts, it therefore has the force of law. His Lordship Dato' Zamani A Rahim JCA (delivering Judgment of the Court) stated as follows:

> [40] the KKM Guidelines Bilangan 6/2002 under the caption 'Urine Collection' has made reference to the Dangerous Drugs Act 1952. The scheme of the KKM Guidelines Bilangan 6/2002 was formulated in collaboration with the Dangerous Drugs Act 1952 and also the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983.

40. His Lordship then went on to stress:

> Thus, s. 31 of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 must be read conjointly with ss. 38A and 38B of the Dangerous Drugs Act. Therefore, the KKM Guidelines Bilangan 6/2002 which is formulated in the line with both of the aforesaid Acts and therefore it has the force of law.

41. Further to this the Court of Appeal had also stated in no uncertain terms that IGS0 F103 was likewise endowed with the force of law. The court stated as follows:

> [38] Now, we come to consider whether the IGSO F103 has the force of law. We refer to the Federal Court case of *Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v. Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 at p 272 where the issue of an admissibility of police station diaries was made an issue. In his submission the Public Prosecutor contended that: ... the station diaries are kept by virtue of administrative orders called standing orders made by the Inspector-General of Police under s. 97 of the Police Art 1967.
>
> [39] There are several standing orders covering various police jobs such as the maintenance of station diaries, the procedure to hold an identification parade in criminal cases which is regulated by the IGSO D 226, and the procedure to collect urine samples from suspected drug dependants which housed in the IGSO F103.

The standing orders made by the Inspector-General of Police, which necessarily include the IGSO F103 acquires its statutory power from s. 97 of the Police Act 1967. Therefore, it has the force of law.

42. Finally the Court of Appeal held that failure to follow the guidelines and IGSO F103 had deprived the appellant of the procedural law and he did not have a fair trial. His rights under arts. 5(1) and 8(1) of the Federal Constitution were as a result violated.

43. The learned DPP has tried to distinguish this present case with that of *Noor Shaiful Rizal*'s case. In that case the appellant was only given the liberty to choose the bottle-one bottle only. In the present case 3 and 4 bottles were given to the appellant to choose from. The

A Appellant has chosen only one bottle. The learned DPP argued that the "action of the appellant choosing a singular bottle is said to waive his rights to having two bottles". With respect I find this distinction untenable as it is not for the appellant to choose as to how many bottles are to be taken. On the contrary it is for the enforcement agency concerned to ensure that the guidelines and
B the IGSO F103 are complied with and two bottles shall be used for the collection of the urine sample.

44. Based on the decision in *Noor Shariful Rizal*'s case upon which not only do I agree with but am also bound to follow. I find that a constitutional guaranteed right of the appellant as enshrined in
C Articles 5 and 8 of the Federal Constitution had been transgressed. He did not receive the procedural fairness he ought to. The learned Magistrate did not have the benefit of the Court of Appeal decision of *Noor Shariful Rizal supra* at the time of his judgment. He relied on the High Court decision of the same case which was subsequently overruled by the Court of Appeal. I am sure his
D decision on this point would have been different in the light of the Court of Appeal's decision.

45. To conclude I find that the prosecution had failed to prove the offence under s. 15(1) of the DDA 1952. The procedure as provided by the law in the form of the guidelines and IGSO F103, which has
E the force of law, were not adhered to. This was fatal to the prosecution's case. I therefore allow the appeal to that extent. The appellant is acquitted and discharged. The sentence of 10 months imprisonment and two years supervision imposed by the learned Magistrate is set aside.

F *Rayuan Jenayah No. W-09-195-06-2017*

[24] Kami beralih pula kepada kes yang melibatkan responden Muhammad Syazwan bin Sulaiman. Responden yang tidak berpuas hati terhadap sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Majistret telah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi.

G **[25]** Beberapa isu telah ditimbulkan dan dihujahkan dalam alasan rayuan oleh responden tetapi isu-isu tersebut ditolak oleh YA Pesuruhjaya Kehakiman. Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan responden apabila memutuskan kegagalan pihak pendakwaan mematuhi PTKPN F103 dalam prosedur pengambilan air kencing kerana tidak
H menggunakan dua botol urin adalah fatal mengakibatkan pertuduhan terhadap responden gagal dibuktikan.

[26] Untuk memahami sepenuhnya keputusan tersebut, kami menurunkan perenggan [12] hingga [21] (ms. 12-20 rekod rayuan jilid 1) di mana YA Pesuruhjaya Kehakiman memutuskan seperti berikut:

I

[12] Di dalam kes ini tidak dinafikan hanya satu botol sample air kencing perayu diambil oleh SP2 dan diserahkan kepada pegawai sains (SP6) untuk analisa kandungan dadah di dalamnya.

[13] Menurut SP6, beliau menjalankan dua kali ujian dari 1 botol urine yang diserahkan padanya oleh pihak polis. Ujian pertama adalah 'screening' dan ujian kedua adalah 'confirmation'. SP6 juga tidak mengetahui berapa isipadu air kencing dan sample 1 botol yang diterimanya.

[14] Dari keterangan SP2 dan SP6 menunjukkan bahawa mereka tidak mengikuti prosedur yang telah ditetapkan di bawah PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bilangan 6/2002.

[15] Dalam PTKPN – F103 telah menetapkan prosedur pengambilan sample air kencing penagih-penagih. Antaranya:

(a) Penagih memilih sendiri botol-botol sample air kencing;

(b) 2 botol sample air kencing dibekalkan satu bagi tujuan awal jika perlu dan satu lagi untuk dibawa ke hospital;

(c) Contoh air kencing yang diambil hendaklah tidak kurang 30 mililiter bagi setiap botol; dan

(d) Penagih dadah sendiri mengisi butir dan menampal label di botol sample air kencing mereka.

[16] PTKPN F 103 di perenggan 8.2., 8.6, 8.8, 8.9 dan 8.10 menetapkan:

8.2. Pemilihan 2 buah botol oleh penagih yang disyaki

Setiap penagih yang disyaki hendaklah diberi sebanyak dua buah botol plastik kosong yang dikhaskan serta baru dan belum pernah digunakan Iengkap dengan penutupnya. Penagih berkenaan hendaklah diberi peluang memilih sendiri botol-botol plastik tersebut daripada kotak simpanannya serta ia berpuas hati dengan botol-botol tersebut berkenaan bersih dan boleh digunakan. Sebuah botol air kencing adalah untuk tujuan ujian awal di peringkat polis jika perlu dan sebuah lagi untuk dihantar ke hospital bagi penganalisaan.

8.6. Contoh Air Kencing diambil tidak kurang dari 30 mililiter setiap botol

Contoh air kencing yang diambil hendaklah tidak kurang dari 30 mililiter (2/3 isi botol) bagi setiap botol 50 mililiter dengan mengadakan tanda anggaran khas di tepi botol di atas nasihat/kerjasama pihak hospital.

8.8. Pengawasan bagi menentukan keselamatan botol dan melabel

Di pejabat, tiap-tiap penagih dadah yang disyaki dikehendaki memegang botol sendiri dan mengawal botol-botol yang mengandungi air kencing mereka dengan selamat. Bantuan anggota-anggota polis lain bolehlah diperolehi untuk mengawasi mereka, sementara menunggu label-label botol disediakan. Label tersebut hendaklah mengandungi butir-butir nama, nombor kad pengenalan dan tarikh lahir penagih tersebut. Nombor laporan polis, tarikh contoh air kencing diambil dan tandatangan penagih

yang disyaki, dengan cara memanggil mereka seorang demi seorang dengan membawa botol-botol mereka sendiri dan menyaksikan label tersebut diisikan.

8.9. Pengesahan butir-butir pada label oleh penagih dadah yang disyaki

Sebaik sahaja label tersebut diisi hendaklah diserahkan kepada penagih dadah berkenaan dan dia sendiri dikehendaki mempastikan bahawa label tersebut mengandungi butir-butir peribadinya yang betul. Penagih hendaklah mengesahkan butir-butir tersebut dengan menandatangani label tersebut dan disaksikan oleh anggota polis berkenaan dan ditandatangani bersama. Sekiranya penagih berkenaan tidak boleh membaca, maka butir-butir pada label tersebut hendaklah dibacakan oleh anggota polis berkenaan kepadanya.

8.10. Penampalan label ke atas botol-botol oleh penagih dadah yang disyaki

Setelah pengesahan label yang berkenaan dibuat tiap-tiap penagih dadah tersebut dikehendaki menampal sendiri label tersebut kepada bahagian tepi botol kepunyaan masing-masing dengan disaksikan oleh anggota polis berkenaan.

[17] Tidak ada keterangan yang menunjukkan perkara yang ditetapkan oleh PTKPN F103 telah dipatuhi.

[18] Sementara itu berkaitan prosedur pengambilan air kencing bagi ujian pengesahan penyalahgunaan dadah dalam air kencing yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dalam Garis Panduan KKM Bilangan 6/2002 menetapkan:

(c) Collection procedure

(i) At least 30 ml urine sample shall be collected in one bottle or duplicate if screening and confirmation are done in two different place. The requesting officer/referring centre shall keep the second urine sample and shall send the urine sample to the confirmation centre if the screening result is positive.

(ii) Both the collection personnel and the donor shall keep the urine sample in view at all times prior to it being sealed or labeled. If the second bottle cannot be provided (sample is 30 ml only), testing shall be done on the first sample. Absence of second sample shall be recorded.

(iii) At the collection site, if the volume is less than 30 ml, the donor may be given a reasonable amount of liquid to drink e.g. 240 ml of water every 30 minutes, but not to exceed a maximum of 720 ml. The second urine sample shall be collected and mixed the previous sample, by the donor himself/herself or the collection personnel in front of the donor.

[19] Peguam bela menghujahkan bahawa pengambilan hanya satu botol contoh air kencing dan digunakan untuk menjalankan ujian saringan dan seterusnya digunakan untuk analisis oleh pegawai sains bagi tujuan pengesahan adalah bertentangan ketetapan yang dibuat di bawah

PTKPN-F103 dan Garis Panduan KKM Bilangan 6/2002. Dengan itu ia telah menyebabkan prejudis dan ketidakadilan kepada pihak perayu. Untuk menyokong hujahan tersebut peguam bela telah merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan dalam kes *Noor Shariful Rizal bin Noor Zawawi v.* PP [2017] 4 CLJ 434.

[20] Kes *Noor Shariful Rizal* menyentuh fakta yang sama mengenai pengambilan hanya satu botol contoh air kencing dan persoalan yang sama iaitu sama ada ketetapan-ketetapan PTKPN - F103 dan Garis Panduan KKM Bilangan 6/2002 nnempunyai kuat kuasa undang-undang. Mahkamah dalam kes itu di muka surat 19 menyatakan:

> [39] There are several standing orders covering various police jobs such as the maintenance of station diaries, the procedure to hold an identification parade in criminal cases which are regulated by the IGSO Part D 226, and the procedure to collect urine samples from suspected drug dependants which is housed the IGSO F103. The standing orders made by the Inspector-General of Police, which necessarily include the IGSO F103 acquires is statutory power from s. 97 of the Police Act 1967. Therefore, it has the force of law.
>
> ...
>
> ...
>
> [41] Thus section 31 of the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 must be read conjointly with section 38A and 38B of the Dangerous Drugs Act, 1952. Therefore, the KKM Guidelines Bilangan 6/2002 which is formulated in line with both of the aforesaid Acts. And therefore it has the force of law.
>
> ...
>
> ...
>
> [43] Similarly, the IGSO F103 was also formulated with its objective "bertujuan untuk memastikan segala tindakan ke atas orang-orang kenaan dilakukan mengikut peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta ini: This Act (Aka ini) refers to the Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983. Therefore, arguably the IGSO F103, like KKM Guidelines Bilangan 6/2002, is also has the force of law, quite apart from acquiring its statutory power under section 97 of the Police Act 1967.
>
> ...
>
> ...
>
> [48] We were, however, in agreement with learned counsel that the appellant had lost the opportunity for a confirmation test as only one bottle of urine sample was collected from the appellant, whilst the IGSO F103 and KKM Guidelines Bilangan 6/2002 require two bottles of urine sample be taken.

A ...

...

[50] The appellant was deprived of the procedural law which gives him of the right of a second test-confirmation test. The magistrate and learned JC, by ruling that one bottle of the appellant's urine B sample was sufficient, were contrary to the IGSO F103 and the KKM Guidelines Bilangan 6/2002. The appellant, accordingly, did not have fair trial and Article 5(1) and 8(1) were violated. The appellant did not get what the procedural law said he should get. He has lost a chance of being acquitted which was reasonably opened to him. Thus justice had been miscarried - commonly C called `miscarriage of justice'. Justice is justice in accordance with law as enshrined in Article 5(1) and 8(1) of the Federal Constitution.

[21] Memandangkan fakta dan isu berbangkit dari kes *Noor Shaiful Rizal bin Noor Zawawi (supra)* adalah sama dengan kes di hadapan Mahkamah D ini maka keputusan di atas mengikat Mahkamah ini dan dengan itu pengambilan 1 botol sample air kencing Tertuduh digunakan bagi tujuan saringan dan pengesahan oleh Pegawai Sains telah menyebabkan 'miscarriage of justice' kepada Perayu.

Isu Di Hadapan Mahkamah Ini

E

[27] Pihak-pihak bersetuju bahawa terdapat satu isu sahaja yang akan merangkumi kedua-dua rayuan tersebut, iaitu sama ada PTKPN F103 dan KKM Guidelines Bil 6/2002 mempunyai status kuat kuasa undang-undang (has the force of law) dan yang demikian menjadi mandatori untuk dipatuhi dan kegagalan mematuhi sedemikian akan mempunyai kesan yang F menjejaskan (fatal).

Hujahan Pihak-pihak

[28] Timbalan Pendakwa Raya (TPR) terpelajar menghujahkan bahawa kedua-dua instrumen PTKPN F103 dan KKM Guidelines 6/2002 hanya G bersifat perintah pentadbiran (administrative orders) dan tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang. TPR selanjutnya menghujahkan s. 31A Akta Dadah Berbahaya 1952 hanya mengatakan orang yang ditangkap boleh diminta untuk memberikan contoh air kencing bagi tujuan pemeriksaan. TPR juga menghujahkan tiada peruntukan undang-undang yang memerlukan lebih H daripada satu contoh air kencing dikehendaki diambil. TPR menghujahkan dalam kes rayuan ini pengambilan air kencing responden dengan menggunakan satu botol urin adalah memadai dan mengikut undang-undang untuk diterima oleh mahkamah. TPR selanjutnya menghujahkan bahawa ujian air kencing ke atas responden-responden masing-masingnya seperti I yang disahkan oleh pegawai sains/ahli kimia mendapati adanya methamphetamine (P8 dalam kedua-dua kes, masing-masing). Dengan demikian peruntukan anggapan di bawah s. 37(k) Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai dan ke atas responden untuk membawa pembuktian

sebaliknya. TPR menghujahkan pengambilan contoh air kencing dan pengendalian ke atasnya telah dilakukan dengan sempurna dan tiada rantaian keterangan yang terputus terhadapnya. Bagi responden Rosman bin Saprey, TPR menghujahkan bahawa mengikut keterangan yang dikemukakan, responden telah diberikan dua atau tiga botol urin untuk dipilih tetapi responden yang merupakan seorang anggota polis hanya mengambil satu botol urin dan yang demikian responden tidak boleh menyalahkan pihak pendakwaan.

[29] Peguam bela terpelajar bagi pihak responden-responden, masing-masing sebaliknya menghujahkan bahawa kepatuhan kepada prosedur yang ditetapkan di bawah PTKPN F103 dan Guidelines KKM Bil. 6/2002 dalam perkara pengambilan contoh air kencing dan ujian ke atasnya adalah mandatori untuk dipatuhi. Peguam bela terpelajar menghujahkan bahawa oleh sebab s. 31A ADB 1952 tidak memperuntukkan cara dan kaedah bagi pengambilan air kencing untuk tujuan pemeriksaan, maka PTKPN F103 dan Guidelines KKM Bil. 6/2002 telah dikeluarkan untuk melengkapi s. 31A tersebut dan yang demikian PTKPN F103 dan Guidelines KKM Bil. 6/2002 mempunyai kuat kuasa undang-undang (force of law). Kegagalan mematuhi tatacara yang ditetapkan di bawahnya akan menjejaskan kes. Justeru itu, pengambilan hanya satu contoh urin di dalam satu botol sahaja adalah suatu kegagalan mematuhi PTKPN F103 dan Guidelines KKM Bil 6/2002. Peguam bela terpelajar merujuk kepada kes *Noor Shariful Rizal Noor Zawawi v. PP* [2017] 4 CLJ 434; [2017] 3 MLJ 460 untuk menyokong hujahan responden. Dalam kes *Noor Shariful Rizal* tersebut, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa PTKPN F103 dan Kementerian Kesihatan Malaysia Guidelines Bilangan 6/2002 mempunyai kuat kuasa undang-undang (force of law) dan yang demikian pengambilan hanya satu botol contoh air kencing adalah suatu kegagalan yang menjejaskan kerana perayu telah dinafikan haknya untuk mendapat perbicaraan yang adil dan mencabuli per. 5(1) dan 8(1) Perlembagaan Persekutuan.

Keputusan Mahkamah Ini

[30] Perayu mengakui hanya satu botol urin digunakan bagi pengambilan contoh air kencing responden-responden, masing-masingnya.

[31] Responden-responden masing-masingnya telah dituduh dengan kesalahan di bawah s. 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dadah yang disahkan berada dalam air kencing responden-responden ialah methamphetamine.

[32] Dalam kes yang melibatkan responden bernama Muhammad Syazwan bin Sulaiman, pegawai sains ahli kimia En. Kamarulzaman bin Hussin (SP5) mengatakan isi padu urin yang dianalisisnya mencukupi untuk menjalankan analisis dan mendapatkan keputusan (ms. 31 rekod rayuan jilid 3). SP5 juga mengatakan keperluan dua botol urin mengikut Garis Paduan KKM adalah bagi kes-kes yang melibatkan ujian saringan dan ujian pengesahan yang

dilakukan di dua makmal yang berbeza. SP5 mengatakan bagi makmal yang sama dan tempat yang sama, satu botol urin adalah memadai. Maka yang demikian tidak semua kes memerlukan dua botol urin.

[33] Bagi kes terhadap responden Rosman bin Saprey, pengesahan berkaitan kandungan air kencing responden yang disahkan terdapat methamphetamine telah dibuktikan melalui laporan makmal (P8) yang disediakan oleh ahli kimia dan dibuat serahan ke atas responden di bawah s. 399 Kanun Tatacara Jenayah.

Akta Dadah Berbahaya 1952

[34] Dalam memahami pertuduhan yang dibawa terhadap responden-responden dan peruntukan yang berkaitan dengannya, adalah berfaedah kami merujuk kepada beberapa peruntukan yang kami berpendapat adalah relevan dalam pertimbangan rayuan ini.

[35] Seksyen 15 ADB 1952 mengatakan:

15. Pemberian kepada diri sendiri

(1) Barangsiapa yang:

(a) mengguna, memberi kepada dirinya sendiri atau menyiksa mana-mana orang lain, bertentangan dengan peruntukan s. 14 dengan memberikan kepadanya mana-mana dadah berbahaya yang ditetapkan di Bahagian III dan IV dari Jadual Pertama; atau

(b) dijumpai berada di mana-mana premis yang telah dikhaskan atau digunakan untuk mana-mana tujuan seperti yang telah ditetapkan dalam s. 13 supaya mana-mana dadah berbahaya tersebut diberikan, atau dihisap atau dengan kaedah lain digunakan olehnya,

adalah bersalah atas suatu kesalahan terhadap Akta ini, dan jika disabitkan hendaklah didenda tidak lebih daripada lima ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "mengguna" termasuk makan, mengunyah, menghisap, menelan, meminum, menyedut atau memasukkan bahan-bahan ke dalam badan dengan apa jua cara atau dengan mengggunakan apa jua alat.

[36] Seksyen 38B ADB 1952 mengatakan:

38B. Kuasa Mahkamah berkenaan dengan orang yang didapati bersalah di bawah seksyen 15

(1) Jika seseorang didapati bersalah atas sesuatu kesalahan di bawah seksyen 15, dia hendaklah, dengan serta-merta selepas menjalani hukuman yang dikenakan ke atasnya berkenaan dengan kesalahan itu, menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah

seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih lebih daripada tiga tahun sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah.

[37] Seksyen 37(k) ADB 1952 mengatakan:

Anggapan

(k) jika seseorang dituduh melakukan suatu kesalahan menggunakan dadah berbahaya atau memberi kepada dirinya sendiri atau menyiksa mana-mana orang lain untuk memberi dadah berbahaya kepada dirinya, dan mana-mana dadah berbahaya yang dikesan dalam air kencing orang yang dijalankan di bawah seksyen 31A, orang tersebut hendaklah dianggapkan, sehingga dibuktikan sebaliknya, ada menggunakan dadah atau ada memberi dadah kepada dirinya sendiri atau ada menyiksa mana-mana orang untuk memberi dadah kepada dirinya yang bertentangan dengan Akta ini atau peraturan-peraturannya.

[38] Seksyen 31A memperuntukkan:

31A. Pemeriksaan oleh seorang pegawai perubatan ke atas orang yang ditangkap

(1) Apabila seseorang itu ditangkap di atas tuduhan melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini

(a) yang mempunyai sesuatu sifat; atau

(b) yang dikatakan telah dilakukan di bawah sesuatu hal keadaan,

yang boleh memberi alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa sesuatu pemeriksaan ke atas orang tersebut akan dapat memberikan bukti tentang berlakunya suatu kesalahan terhadap Akta ini, adalah menjadi sah di sisi undang-undang bagi seorang pegawai perubatan bertindak dengan permintaan mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan. Atau mana-mana pegawai lain yang menjadi ketua di suatu balai polis, atau mana-mana pegawai kastam, dan untuk mana-mana orang yang bertindak dalam membantu pegawai perubatan dan di bawah arahannya, untuk membuat suatu pemeriksaan atau pemeriksaan-pemeriksaan terhadap orang yang ditangkap yang dengan munasabahnya perlu bagi memutuskan kenyataan-kenyataan yang dapat memberikan bukti itu, dan untuk menggunakan atau menyebabkan untuk digunakan peraturan-peraturan tersebut seperti yang dengan munasabahnya perlu untuk tujuan itu.

(1A) Bagi maksud pemeliharaan keterangan, adalah menjadi sah di sisi undang-undang bagi seorang pegawai polis yang berpangkat tidak kurang daripada Sarjan atau seorang pegawai kastam untuk menghendaki orang yang ditangkap untuk memberi **contoh air kencingnya** untuk tujuan pemeriksaan di bawah subseksyen (1) jika pegawai perubatan atau mana-mana orang yang membantu dalam perubatan atau yang di atas arahan pegawai perubatan tidak dapat melaksanakan tugas untuk memperoleh contoh air kencing itu pada masa yang munasabah (ditekankan)

A (1B) Mana-mana orang yang tanpa sebab munasabah, gagal memberi contoh air kencingnya sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) atau (1A) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah jika disabitkan bertanggungan kepada suatu denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-dua sekali.

B (2) Bagi maksud seksyen ini "pegawai perubatan" termasuklah setiap orang yang diambil bekerja oleh Kerajaan atau suatu badan berkuasa yang ditetapkan oleh undang-undang sebagai seorang pegawai perubatan atau sebagai seorang ahli kimia.

C **[39]** Seksyen 31A hanya menyebut "contoh air kencing". Jika Parlimen menghendaki lebih daripada satu contoh perlu didapatkan, maka pastinya Parlimen akan memperuntukkan sedemikian. Peruntukan undang-undang perlu dibaca mengikut perkataan yang terdapat dan bukan membuat spekulasi tentang apa yang tersurat. Dalam perkara ini s. 31A dengan jelas merujuk kepada contoh air kencing dalam maksud 'singular'. Maka yang
D demikian hujahan oleh Timbalan Pendakwa Raya mempunyai merit bahawa satu botol urin contoh air kencing adalah memadai bagi tujuan dijalankan pemeriksaan atau analisis.

Sama Ada PTKPN F103 Dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 Mempunyai Kuat
E *Kuasa Undang-Undang*

PTKPN F103 (IGSO F103)

[40] PTKPN F103 (Perintah Tetap Ketua Polis Negara) dikenali juga sebagai IGSO F103. Perenggan 1, PTKPN F103 mengatakan seperti berikut:

F **1. Pendahuluan**

Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 (Pindaan 1998) digubal bertujuan untuk memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih-penagih dadah. Seliaan merupakan proses rawatan lanjutan yang menitik beratkan pengawasan tabiat penagihan mereka. PTKPN ini bertujuan untuk memastikan segala tindakan ke atas orang-orang kenaan dilakukan
G mengikut peruntukan-peruntukan yang ditetapkan di bawah Akta ini.

[41] Selanjutnya dalam perkara tatacara pengambilan contoh air kencing, perenggan 8, PTKPN F130 mengatakan seperti berikut:

8. Tatacara Mengambil Contoh Air Kencing

H Tatacara pengambilan contoh air kencing dari penagih-penagih yang disyaki adalah seperti berikut:

8.1. **Contoh Air Kencing Diambil Segera Selepas Tangkapan**

Contoh Air Kencing dari penagih-penagih yang disyaki hendaklah diambil seberapa segera sebaik sahaja selepas tangkapan bagi
I menentukan keberkesanan ujian.

8.2. **Pemilihan 2 Buah Botol Oleh Penagih Yang Disyaki**

Setiap penagih dadah yang disyaki hendaklah diberi sebanyak dua buah botol plastik kosong yang dikhaskan serta baru dan belum pernah digunakan lengkap dengan penutupnya. Penagih berkenaan hendaklah diberi peluang memilih sendiri botol-botol plastik tersebut daripada kotak simpanannya serta ia berpuas hati dengan botol-botol tersebut berkeadaan bersih dan boleh digunakan. Sebuah botol air kencing adalah untuk ujian di peringkat polis jika perlu dan sebuah lagi untuk dihantar ke hospital bagi penganalisaan.

8.3. **Penggunaan 'Beaker' Dan lringan Bagi Penagih Perempuan**

Bagi penagih dadah perempuan hendaklah dibekalkan dengan sebuah 'beaker' dengan cara memilih sendiri disamping dua buah botol. 'Beaker' tersebut dikehendaki dicuci olehnya selepas digunakan. Penagih perempuan hendaklah diiringi oleh seorang anggota polis wanita semasa urusan pengambilan contoh air kencing.

...

...

8.6. **Contoh Air Kencing Diambil Tidak Kurang Dari 30 mililiter setiap botol**

Contoh air kencing yang diambil hendaklah tidak kurang dari 30 mililiter (2/3 isi botol) bagi setiap botol 50 mililiter dengan mengadakan tanda anggaran khas di tepi botol di atas nasihat/ kerjasama pihak hospital.

[42] Perenggan 8.2, 8.3 dan 8.6 PTKPN F103 menghendaki dua botol urin digunakan.

[43] Sekiranya pengambilan contoh air kencing tersebut diambil daripada pegawai polis atau anggota polis, perenggan 8.14, PTKPN F103 mengatakan seperti berikut:

8.14 **Keselamatan Yang Lebih Ke Atas Contoh Air Kencing Pegawai Polis, APR dan Konstabel**

Perhatian yang lebih hendaklah diberikan kepada contoh air kencing Pegawai, APR, dan Konstabel, kerana hasil dari ujian air kencing ini akan menentukan masa depan mereka di dalam Pasukan Polis Diraja Malaysia berikutan tindakan tatatertib yang mungkin akan diambil terhadap mereka. Pengambilan contoh air kencing Pegawai Polis, APR dan Konstabel hendaklah dikendalikan oleh seorang pegawai berpangkat yang lebih tinggi darinya dan diselia oleh seorang pegawai yang berpangkat lebih tinggi dari pegawai pengendali.

Garis Panduan Bagi Ujian Pengesanan Penyalahgunaan Dadah Dalam Air Kencing (KKM Bil. 6/2002)

[44] Kami merujuk pula kepada Garis Panduan Bagi Ujian Pengesanan Penyalahgunaan Dadah Dalam Air Kencing (Guidelines For Testing Drugs of Abuse in Urine) (KKM Bil. 6/2002). Garis Panduan KKM Bil 6/2002 ini dikeluarkan pada 3 September 2002 dan ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia dan ditujukan kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital Kuala Lumpur.

[45] Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 tersebut diedarkan juga kepada 11 pihak lain, termasuk Pengarah Kimia Malaysia, Ketua Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara dan Pengarah Jabatan Narkotik Polis Diraja Malaysia (PDRM). Oleh itu Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 diketahui oleh agensi tersebut.

[46] Untuk memahami lebih lanjut latar belakang pengeluaran Garis Panduan KKM Bil. 6/2002, perenggan 1 dan 2 membutirkan seperti berikut:

> **Garis Panduan Bagi/Ujian Pengesanan Penyalahgunaan Dadah Dalam Air Kencing**
>
> **1. Tujuan**
>
> Surat ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai garis panduan bagi ujian pengesanan penyalahgunaan dadah. Ini adalah untuk menyeragamkan dan mengemaskini prosedur-prosedur ujian pengesanan dadah di makmal-makmal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta sebagai panduan agensi-agensi yang terlibat dalam program pengesanan dadah seperti Agensi Dadah Kebangsaan dan Polis. Selain daripada itu garis panduan ini akan memudahkan proses menulis dokumen kerana terdapat penyeragaman prosedur bagi proses mendapatkan pensijilan ISO/FEC 17025 serta dapat menghasilkan keputusan ujian berkualiti dan diakui kerana semua prosedur dijalankan dengan mengambilkira isu keselamatan, kerahsiaan, kawalan kualiti dan berpandu kepada prosedur-prosedur di peringkat antarabangsa.
>
> **2. Latar Belakang**
>
> Garis panduan ini disediakan berlanjutan dari Bengkel Polisi dan Prosedur Ujian Dadah pada tahun 2000 di mana banyak pertanyaan mengenai polisi dan prosedur samada teknikal atau perundangan telah dikemukakan oleh peserta-peserta yang menghadiri bengkel itu.
>
> Berikutan dengan itu, satu Jawatankuasa Teknikal Polisi dan Prosedur telah diwujudkan yang dianggotai oleh Pakar Patologi, Pegawai Sains dan Juruteknologi Perubatan. Di bawah jawatankuasa ini terdapat dua jawatankuasa kerja iaitu Jawatankuasa Polisi dan Prosedur Ujian Dadah serta Jawatankuasa Quality Assurance dan Latihan.

Jawatankuasa Teknikal Polisi dan Prosedur Ujian Dadah telah mengadakan beberapa siri mesyuarat serta perbincangan dengan lain agensi seperti pihak polis dan pihak Peguam Negara dan telah berjaya mengeluarkan satu garis panduan Guidelines For Drugs of Abuse Testing untuk rujukan makmal-makmal pengesanan dadah di Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi berkaitan di negara ini.

3. Isu-isu Yang Dikenalpasti

Antara isu-isu yang dikenalpasti adalah:

3.1 Cara melaporkan ujian Cannabis. Ini adalah berikutan terdapat kes mahkamah yang dibuang berdasarkan cara melapor sekarang.

3.2 Penyimpanan sampel selepas menjalankan ujian pengesahan dan juga penyimpanan rekod-rekod serta cara melupuskan rekod.

3.3 Analisis dan Quality Control. Pendekatan penggunaan sampel kualiti adalah tidak ada keseragaman.

3.4 Turn Around Time (TAT) yang terlalu lama terutama bagi kes-kes polis.

3.5 Sistem rujukan (ke mana sampel akan dihantar) jika sesuatu hospital tidak mempunyai anggota dan fasiliti untuk menjalankan ujian.

3.6 Isu keselamatan dan kerahsiaan.

3.7 Prosedur tidak dikemaskini semenjak Manual For The Laboratory Detection of Drugs of Abuse in Urine dikeluarkan pada tahun 1988.

4. Rumusan Garispanduan

Garispanduan ini mengandungi prosedur-prosedur lengkap mengenai ujian pengesanan dadah dalam air kencing dan prosedur-prosedur ini disediakan berdasarkan rujukan di peringkat nasional dan antarabangsa seperti yang dinyatakan dalam sumber rujukan. Jabatan Peguam Negara juga dirujuk bagi prosedur yang melibatkan isu medikolegal. la dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian permulaan menyentuh perkara-perkara seperti pengenalan, pusat-pusat pengesanan dadah KKM serta ciri-cirinya dan prosedur rujukan antara pusat-pusat pengesanan. Bahagian Kedua menerangkan prosedur pengesanan bermula dari pemungutan sampel sehingga penyimpanan sampel dan sistem pengrekodan. Bahagian ini diolah secara terperinci untuk diikuti oleh semua pihak yang terlibat dalam program ini. Bahagian ketiga mengandungi sumber rujukan, definasi terma-terma yang digunakan dalam garis panduan serta lampiran iaitu, Lampiran 1: Borang Permintaan Ujian Pengesanan Dadah Dalam Air Kencing – UPD 1 Pindaan dan Lampiran 2: Borang Akuan Pemberi.

5. Tarikh Berkuatkuasa

Garis panduan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

A **6. Tindakan Dan Pengawasan**

Pengarah Kesihatan Negeri adalah bertanggungjawab mengedarkan surat pekeliling dan garis panduan ini ke semua hospital dan klinik di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan.

B **[47]** Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 dalam perkara penggunaan dua botol urin diperuntukkan dalam keadaan berikut, seperti yang dinyatakan di bawah perenggan 5(b)(iii) dan perenggan 5(c)(i) dan (ii):

Perenggan 5(b)(iii) Collection Site

C At the collection site, if the volume is less than 30 ml, the donor may be given a reasonable amount of liquid to drink e.g. 240 ml of water every 30 minutes, but not to exceed a maximum of 720 ml. The second urine sample shall be collected and mixed with the previous sample, by the donor himself/herself or the collection personnel in front of the donor.

Perenggan 5(c)(i) and (ii) Collection Procedure

D (i) At least 30 ml urine sample shall be collected in one bottle **or duplicate if screening and confirmation are done by two different places.** The requesting officer/referring centre shall keep the second urine sample and shall send urine sample to the confirmation centre if the screening result is positive.

E (ii) Both the collection personnel and the donor shall keep the urine samples in view at all time prior to it being sealed or labeled. If the second bottle cannot be provided (sample is 30 ml only), testing shall be done on the first sample. Absence of second sample shall be recorded.

F **[48]** PTKPN F103 menyebutkan contoh air kencing diambil dengan menggunakan dua botol urin (perenggan 8.2). Satu botol air kencing adalah untuk tujuan ujian awal di peringkat polis **jika perlu** dan satu botol lagi untuk dihantar ke hospital bagi penganalisaan. Oleh itu dua botol air kencing bukan satu kehendak mandatori jika contoh air kencing tersebut tidak dibuat ujian awal di peringkat polis. Botol yang mengandungi contoh air kencing akan di G hantar terus ke hospital bagi penganalisaan (penekanan ditambah). Pendakwaan ke atas seseorang yang mentadbirkan dadah ke dalam tubuh badan juga tidak dilakukan berdasarkan hasil ujian awal atau saringan yang hanya merupakan satu proses indikatif. Pertuduhan sekiranya dibuat akan diasaskan kepada hasil ujian analisis oleh ahli sains atau ahli kimia kerajaan H yang menggunakan kaedah analisis yang diiktiraf oleh undang-undang.

[49] Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 mengatakan hanya satu botol contoh urin diperlukan untuk analisis. Tetapi sekiranya ujian awal dan ujian analisis dilakukan di dua tempat yang berasingan, maka dua botol urin diperlukan (dipanggil botol pertama dan botol duplicate) (perenggan 6(c)). Botol kedua I (duplicate) adalah untuk kegunaan ujian awal (screening) **jika hendak dibuat** dan botol duplicate ini akan disimpan oleh pegawai yang membuat ujian awal. Botol pertama yang mengandungi contoh air kencing akan dihantar ke

hospital untuk dibuat analisis. Oleh itu Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 tidak menjadikan pengambilan dua botol urin sebagai mandatori sekiranya ujian awal (screening) tidak dilakukan (penekanan ditambah).

[50] Seksyen 31A(1A) ADB 1952, memberi kuasa kepada pegawai polis atau pegawai kastam untuk mendapatkan contoh air kencing daripada orang yang ditangkap bagi tujuan pemeriksaan. Bagaimanapun tiada terdapat tatacara diperuntukkan tentang bagaimana contoh urin diambil dan diuruskan.

[51] Dalam kes *PP v. Mohammad Rasid Jusoh* [2009] 9 CLJ 557, Mahkamah Tinggi di ms. 564 mengatakan seperti berikut:

> [7] ... It is also a significant point to note that collecting a urine specimen does not require any medical skill at all. What is important is the proper labelling of the bottle and the proper testing of the sample by a government chemist.

[52] Walaupun terdapat s. 44 ADB 1952 memberikan kuasa kepada Menteri mewakilkan kuasa dan fungsinya kepada mana-mana pegawai yang sesuai dalam mentadbirkan ADB 1952, tetapi tidak terdapat perwakilan kuasa di bawah s. 44 telah dilakukan. Oleh itu PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 tidak boleh dikaitkan dengan s. 44 tersebut untuk diberi pengiktirafan sebagai mempunyai elemen "force of law".

[53] Juga, walaupun terdapat s. 47 ADB 1952, yang memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat undang-undang subsidiari, iaitu peraturan-peraturan dalam menetapkan perkara-perkara yang diperlukan di bawah Akta, tetapi Menteri tidak ada membuat apa-apa peraturan yang berkaitan dengan kaedah pangambilan contoh air kencing dan cara menguruskannya. Oleh itu PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 bukan dikeluarkan di bawah s. 47 tersebut untuk mempunyai elemen "force of law".

[54] Seksyen 28 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283) memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah dalam melaksanakan peruntukan Akta 283. Sub-perenggan (e) s. 28(1) Akta 283 memberi kuasa kepada Menteri untuk mengadakan peruntukan mengenai kaedah-kaedah berhubung dengan ujian-ujian yang hendak dijalankan di bawah Akta 283. Bagaimanapun, tidak terdapat sebarang kaedah yang dibuat oleh Menteri di bawah Akta 283 yang berkaitan dengan tatacara pengambilan air kencing bagi ujian dan cara menguruskannya.

[55] Ketiadaan peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang disebutkan di atas telah menyebabkan pihak polis mengambil usaha mengeluarkan PTKPN F103. Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia pula mengeluarkan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002. PTKPN F103 hanya dihasratkan untuk dijadikan panduan oleh pegawai polis dalam melaksanakan tugasan mereka. PTKPN F103 dengan itu lebih merupakan garis panduan dalaman untuk diguna pakai oleh pegawai polis khususnya Jabatan Narkotik PDRM.

[56] Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 pula, jika dilihat pada bahagian pengenalan, garis panduan tersebut ditujukan kepada pegawai-pegawai perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Hasrat garis panduan ini juga jelas hanya untuk dijadikan panduan dalam menjalankan tugas oleh pegawai perubatan berkaitan dengan ujian/analisis air kencing.

[57] Seksyen 97 Akta Polis 1967 (Akta 344) memperuntukkan:

> **97. Standing Orders**
>
> The Inspector-General may issue administrative orders, to be called 'Standing Orders', not inconsistent with this Act or of rules or Police Regulations made thereunder, for the general control, direction and information of the Force and all bodies established or raised for the police duties under this Act.

[58] Jelasnya Ketua Polis Negara di bawah s. 97 Akta Polis, hanya berkuasa mengeluarkan "administrative orders" yang dipanggil sebagai Perintah Tetap (Standing Orders). Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) dengan itu hanya merupakan perintah-perintah pentadbiran untuk tujuan "kawalan dan arahan dan maklumat am Pasukan dan semua badan yang ditubuhkan atau didirikan untuk menjalankan tugas-tugas polis" di bawah Akta Polis 1967. PTKPN F103 jika pun diperbuat di bawah kuasa yang diberikan oleh s. 97 tersebut, hanya bersifat 'administrative order' yang tidak dihasratkan untuk mempunyai kuat kuasa undang-undang berbanding dengan peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang dibuat oleh Menteri di bawah ADB 1952 atau Akta 283. PTKPN F103 dikeluarkan hanya untuk kegunaan PDRM dan diklasifikasikan sebagai dokumen sulit atau rahsia. Maka itu, adalah suatu salah arahan untuk mengatakan PTKPN F103 mempunyai kuat kuasa undang-undang (force of law). Sesuatu instrumen undang-undang tidak boleh wujud dan berkuat kuasa secara sulit atau diklasifikasikan sebagai rahsia. Di bawah s. 47(3) ADB 1952 dinyatakan bahawa semua peraturan yang dibuat di bawah ADB 1952 hendaklah disiarkan dalam *Warta* dan hendaklah dibentangkan dengan seberapa segera yang praktik di Dewan Rakyat. Jelasnya, PTKPN F103 bukan merupakan peraturan-peraturan di bawah ADB 1952 atau Akta 283. PTKPN F103 juga tidak diwartakan. Tidak terdapat juga pengataan di bawah PTKPN F103 bahawa dokumen tersebut dikeluarkan di bawah kuasa s. 97 Akta Polis 1967. Sekiranya diandaikan bahawa PTKPN F103 dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara di bawah s. 97 Akta Polis 1967, ia masih tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang kerana s. 47 ADB 1952 (Akta 234) dan s. 28 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283) hanya memberi kuasa sedemikian kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan operasi kedua-dua Akta tersebut.

[59] Dalam kes *Dato' Mokhtar Hashim & Anor v. Public Prosecutor* [1983] 2 CLJ 10; [1983] CLJ (Rep) 101; [1983] 2 MLJ 232 Mahkamah Persekutuan telah menimbangkan sama ada "Gombak Police Station diaries (D105 A-E) and lock-up register (D104)" yang dikemukakan oleh pihak permbelaan boleh diterima masuk sebagai keterangan yang relevan untuk tujuan bicara dalam bicara (*voire dire*) dalam memutuskan unsur kesukarelaan ke atas pengakuan dan pengataan tertentu orang kena tahan kepada pihak polis yang dibuat semasa dalam kustodi pihak polis. Pihak Pendakwa Raya dalam kes tersebut menghujahkan dokumen tersebut bukan dokumen awam yang dibuat bagi maksud untuk diperiksa oleh orang awam tetapi bagi kegunaan dalaman pihak polis sahaja. Mahkamah Persekutuan memutuskan dokumen perharian balai dan daftar lokap tersebut layak diterima masuk sebagai "relevant fact" menurut s. 35 Akta Keterangan 1950 dalam menunjukkan pergerakan keluar masuk orang kena tahan dalam tempoh tahanan dan tempoh masa soal siasat (interrogations) yang berlaku ke atas tahanan tersebut. Mahkamah Persekutuan bagaimanapun tidak membincangkan dengan lebih mendalam berkaitan "nature and purpose" dokumen tersebut, bagaimana pegawai polis mentadbirnya dan kaitannya dengan s. 97 Akta Polis yang memberi kuasa kepada Ketua Polis Negara untuk mengeluarkan "Standing Orders" kerana tidak ada keterangan dibawa berkaitannya. Bagaimanapun, kedua-dua dokumen tersebut dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara sebagai memenuhi keperluan di bawah Kaedah-Kaedah Lokap 1953. Mahkamah Persekutuan tidak menyentuh sama ada dokumen-dokumen tersebut mempunyai elemen "force of law" tetapi lebih kepada isu kebolehterimaan masuk sebagai keterangan.

[60] PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil 6/2002 bukan merupakan rekod awam dan catatan yang dibuat pada menjalankan kewajipan jika dibandingkan dengan diari perharian balai dan daftar lokap yang perlu dibuat catatan (entries) oleh pegawai dan penjaga lokap. Maka itu, PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 tidak tergolong dalam maksud s. 35 Akta Keterangan 1950.

[61] Justeru itu, kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam bela terpelajar bagi pihak responden yang menghujahkan bahawa PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 sebagai dokumen yang mempunyai kuat kuasa undang-undang (force of law) yang memerlukan pematuhan mandatori oleh pihak polis atau pegawai perubatan dan akan menjejaskan sekiranya gagal dipatuhi.

Rayuan Jenayah No: W-09-105-06-2017

[62] Berbalik kepada kes rayuan di hadapan mahkamah ini. Dalam kes yang melibatkan responden Muhammad Syazwan bin Sulaiman, pertuduhan ke atas responden adalah bagi kesalahan menggunakan dadah berbahaya methamphetamine. Hanya satu botol contoh air kencing sahaja diambil daripada responden.

[63] Contoh air kencing daripada botol tersebut dianalisis oleh pegawai sains hayat Makmal Dadah Jabatan Patologi, Hospital Kuala Lumpur, Encik Kamarulzaman bin Hussin (SP5) melalui kaedah ujian emonosasi dan ujian CGMS dan mendapati positif methamphetamine. SP5 mengatakan isi padu urin yang diserahkan kepadanya untuk dibuat analisis adalah mencukupi. SP5 juga mengatakan tidak terdapat keperluan untuk dua botol urin kerana analisis yang dilakukan tidak melibatkan dua tempat atau stesyen yang berbeza. Methamphetamine ialah dadah berbahaya yang disenaraikan di bawah Jadual Pertama ADB 1952 (ms 31-37 rekod rayuan jld 3).

[64] Di akhir perbicaraan kes, Tuan Majistret telah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan tanpa keraguan yang munasabah setiap inti pati kesalahan di bawah s. 15(1)(a) ADB 1952. Responden didapati bersalah atas pertuduhan dan disabitkan dan dihukum denda sebanyak RM3,500 jika gagal bayar enam bulan penjara dan dua tahun pengawasan di bawah s. 38B ADB 1952.

[65] Responden yang terkilan atas sabitan dan hukuman telah membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi. YA Pesuruhjaya Kehakiman telah membenarkan rayuan responden atas alasan bahawa Mahkamah Tinggi terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Noor Shariful Rizal (supra)*, atas kegagalan pihak polis mematuhi PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 yang mempunyai "force of law", iaitu gagal mengambil dua botol contoh air kencing daripada responden.

[66] Kami mendapati YA Pesuruhjaya Kehakiman telah tersalah arah dalam memutuskan sedemikian. Seperti yang kami huraikan di atas, PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang. Oleh itu, kegagalan untuk mengambil dua botol contoh air kencing responden tidak menjejaskan kes pendakwaan. Dengan kata lain, pengambilan dua contoh air kencing bukan merupakan keperluan undang-undang.

Rayuan Jenayah No. A-06B-06-2017

[67] Bagi responden Rosman bin Saprey pula, pertuduhan terhadap responden adalah mentadbir diri dengan memasukkan dadah berbahaya dalam badan jenis methamphetamine. Cuma satu botol urin sahaja digunakan untuk mengisi contoh air kencing responden. Ujian yang dijalankan oleh ahli kimia mengesahkan air kencing di dalam botol yang sama adalah positif methamphetamine (P8).

[68] Di akhir perbicaraan kes, Tuan Majistret telah berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan tanpa keraguan yang munasabah setiap inti pati kesalahan di bawah s. 15(1)(a) ADB 1952. Responden didapati bersalah atas pertuduhan dan disabitkan dan dihukum penjara selama sepuluh bulan dan dua tahun pengawasan di bawah s. 38B ADB 1952.

[69] Responden yang terkilan atas sabitan dan hukuman telah membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi. YA Pesuruhjaya Kehakiman telah membenarkan rayuan responden atas satu-satunya alasan bahawa Mahkamah Tinggi terikat dengan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Noor Shariful Rizal (supra)*, atas kegagalan pihak polis mematuhi PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 yang mempunyai "force of law", iaitu gagal mengambil dua botol contoh air kencing daripada responden.

[70] YA Pesuruhjaya Kehakiman memutuskan seperti berikut (ms. 31 rekod rayuan jld 1):

> 47. To conclude I find that the prosecution had failed to prove the offence under Section 15(1) of the DDA 1952. The procedure as provided by the law in the form of the guidelines and IGSO F103, which has the force of law, were not adhered to. This was fatal to the prosecution's case.

[71] Kami mendapati YA Pesuruhjaya Kehakiman telah tersalah arah dalam memutuskan sedemikian. Seperti yang kami huraikan di atas, PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 tidak mempunyai kuat kuasa undang-undang. Tidak ada keperluan undang-undang yang mewajibkan pengambilan dua contoh air kencing dalam dua botol berasingan. Oleh itu, kegagalan untuk mengambil dua botol contoh air kencing responden tidak menjejaskan kes pendakwaan. Tanpa terdapatnya apa-apa penjelasan mengapa dua botol urin disarankan di bawah PTKPN F103, kami berpendapat kemungkinan saranan tersebut lebih merupakan suatu langkah bersifat waspada atau amalan 'prudence', tetapi sifat waspada sedemikian tidak boleh menjadi dan mempunyai kuat kuasa undang-undang sehingga ia menjadi satu kewajipan yang bersifat prosedur substantif untuk dipatuhi.

[72] Dalam kedua-dua rayuan di hadapan kami, pihak-pihak bersetuju bahawa satu-satunya isu yang perlu diputuskan oleh kami adalah sama ada PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 mempunyai kuat kuasa undang-undang dan kegagalan mematuhinya menjejaskan kes pendakwaan. Kami telah menjawab persoalan tersebut.

[73] Seperti yang kami nyatakan sebelum ini, s. 31A ADB 1952 membolehkan contoh air kencing diambil daripada orang yang ditangkap. Bagaimanapun, tidak ada peruntukan yang memperuntukkan tatacara atau kaedah bagaimana contoh air kencing diambil atau diperoleh daripada orang kena tangkap, dan bagaimana contoh tersebut dibuat saringan dan analisis. ADB 1952 dan Akta 283 memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan dan kaedah termasuk untuk mengadakan peruntukan mengenai prosedur-prosedur berhubungan dengan ujian-ujian yang hendak dijalankan di bawah Akta. Antara ujian tersebut ialah ujian ke atas air kencing orang kena tangkap. Bagaimanapun Menteri tidak ada membuat peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah sedemikian. Kelompangan tersebut cuba diisikan oleh PDRM dengan mengadakan PTKPN F103 dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengadakan Garis Panduan Bil. 6/

2002. PTKPN F103 hanya untuk kegunaan pihak jabatan polis. Garis Panduan Bil. 6/2002 KKM pula hanya untuk kegunaan pegawai kesihatan dan pegawai perubatan KKM. Kedua-dua instrumen ini tidak boleh membentuk dan mempunyai kuat kuasa undang-undang kerana hanya Menteri diberikan kuasa oleh ADB 1952 dan Akta 283 untuk membuat peraturan-peraturan dan kaedah yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan perjalanan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam kedua-dua Akta serta keperluan pewartaan yang perlu dipatuhi. Maka itu, sewajarnya kuasa statutori Menteri digunakan sepenuhnya supaya peraturan-peraturan dan kaedah sedemikian digubal untuk dapat diberi kesan kuat kuasa undang-undang.

[74] Peguam bela terpelajar menghujahkan supaya mahkamah ini mengikuti keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Noor Shariful Rizal bin Noor Zawawi v. PP* [2017] 4 CLJ 434, yang memutuskan PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 mempunyai "force of law". Dengan hormatnya kami tidak dapat bersetuju dengan hujahan tersebut. Alasan kami, pertama PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 tidak menyatakan punca kuasa ia dibuat. Kedua, ADB 1952 dan Akta 283 ialah undang-undang spesifik. Ketiga, tidak terdapat sebarang keterangan yang dapat melihatkan penurunan kuasa oleh Menteri kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Kesihatan KKM untuk mereka boleh mengeluarkan apa-apa instrumen yang mempunyai kuat kuasa undang-undang. Keempat, kuasa dalam membuat peraturan-peraturan di bawah ADB 1952 dan kaedah-kaedah di bawah Akta 283 hanya diberikan kepada Menteri secara eksklusif. Kelima, setiap peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah yang dibuat oleh Menteri perlu diwartakan dan dibentangkan dalam Dewan Rakyat. PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 tidak memiliki elemen-elemen sedemikian untuk mendapat pengiktirafan kuat kuasa undang-undang. Keenam, kuasa Ketua Polis Negara (KPN) dan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia tidak boleh mengatasi dan melampaui kuasa-kuasa Menteri. Jika Menteri dikehendaki membuat pewartaan dan membentangkan peraturan atau kaedah yang dibuatnya di Dewan Rakyat untuk membolehkan peraturan atau kaedah mempunyai kuat kuasa undang-undang, maka adalah tidak logik untuk diterima bahawa PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 tidak terikat dengan peruntukan sedemikian.

[75] Dalam kes *Ling Towi Sing @ Ling Chooi Sieng v. Sino-America Tours Corporation Pte Ltd* [2017] AMR 725, [2017] 1 LNS 1663, [2017] MLJU 1646, Mahkamah Rayuan memutuskan A. 76 k. 2(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 sebagai undang-undang subsidiari hanya merupakan suatu 'procedural law' yang tidak boleh mengatasi peruntukan Akta Kesihatan Mental 2001 (Akta 615). Berdasarkan prinsip yang serupa, PTKPN F103 dan Garis Panduan KKM Bil. 6/2002 tidak mempunyai apa-apa elemen untuk menjadi 'procedural law' dan tidak boleh juga untuk disamakan taraf seperti suatu undang-undang subsidiari di bawah ADB 1952 dan Akta 283.

Kesimpulan

[76] Berdasarkan alasan-alasan yang kami nyatakan di atas, kami membenarkan rayuan Pendakwa Raya dalam kedua-dua rayuan. Perintah oleh Mahkamah Tinggi dalam kedua-dua rayuan diketepikan. Sabitan dan hukuman oleh Majistret Mahkamah Majistret dalam kedua-dua rayuan di hadapan kami dikekalkan, masing-masingnya.